

MAKLUMAN

Kepada
Pengusaha/Peladang yang dihormati

Merujuk Slaran Akhbar dari Jabatan Perdana Menteri pada 19 Julai 2021 dan 30 Julai 2021 mengenai Penangguhan Sementara Kebenaran Kemasukan dari Republik Indonesia, dan Penangguhan Sementara Kebenaran Aktiviti Rentas Sempadan dan Penangguhan Kebenaran Kemasukan dan Keluar Negeri Bagi Lima Buah Negara di Subbenua India.

Dengan itu, mulai **01hb Ogos 2021**, adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Pertanian dan Agrimakanan akan menangguhkan sementara kebenaran kemasukan dan tidak menerima permohonan pekerja asing dengan serta merta sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian bagi ENAM buah negara iaitu:

1. REPUBLIK INDONESIA,
2. REPUBLIK INDIA,
3. REPUBLIK DEMOKRATIK PERSEKUTUAN NEPAL,
4. REPUBLIK SOSIALIS DEMOKRATIK SRI LANKA,
5. REPUBLIK ISLAM PAKISTAN, dan
6. REPUBLIK RAKYAT BANGLADESH.

Penangguhan kebenaran ini juga dikenakan bagi warganegara asing yang telah diberikan kebenaran awal untuk memasuki Negara Brunei Darussalam dari Indonesia, India, Nepal, Sri Lanka, Pakistan dan Bangladesh melalui penerbangan yang telah dibenarkan sebelum ini, maka kebenaran tersebut adalah ditarik balik.

Syarat-syarat bagi pertimbangan keluar masuk yang dinyatakan di atas adalah tertakluk kepada penelitian Jawatankuasa Pandu Hal Ehwai Rentas Sempadan dari semasa ke semasa.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi atau berjumpa terus ke agensi seperti di bawah:

Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama,
Berakas BB3510
Negara Brunei Darussalam
No telefon : +673 2388096 / 2388095
Emel : upa.jpt@agriculture.gov.bn
Website : www.agriculture.gov.bn

Sekian harap maklum.

Tarikh berkuatkuasa: 21 Zulhijjah 1442/ 01 Ogos 2021



Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab
Setiasaha Tetap

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelacongan